

150 PELAJAR SERTAI KEM SKOR A UPSR



Seramai 150 orang pelajar yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2009 dari 72 buah sekolah sekitar daerah Keningau telah menyertai Kem Skor A UPSR yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Keningau pada 23 dan 24 April 2009. Program dianjurkan oleh pelajar Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Keningau, IPGM Keningau dan Pusat Pembangunan Pendidikan Luar Bandar, SPPS. Menurut Pengerusi Program, En. Francis Andin, program ini diharapkan mampu membantu usaha Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) dan Pejabat Pelajaran Daerah Keningau (PPD Keningau) mencapai sasaran '1PPD1005A' menjelang 2011'. Selain itu, Pensyarah Projek yang juga merupakan Ketua Jawatankuasa Pembangunan Komuniti PPPLB, Dr Sabariah Sharif turut menyifatkan program yang melibatkan murid sekolah luar bandar sebagai satu usaha merealisasikan teras ke-empat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk merapatkan jurang pendidikan antara murid bandar dan luar bandar. Sepanjang program, peserta didedahkan kepada cara belajar terbaik dan teknik menjawab soalan bagi setiap mata pelajaran. Bengkel dikendalikan oleh penceramah jemputan yang terdiri daripada guru pakar setiap mata pelajaran. Selain itu, peserta juga diterapkan dengan motivasi belajar bagi menggalakkan mereka lebih fokus kepada pendidikan.